

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

BANK SEHARUSNYA MEMBERIKAN AKSES KEPADA PEMBIAYAAN SECARA LEBIH MELUAS MEMANDANGKAN KADAR KEBERHUTANGAN ISI RUMAH BERBANDING KDNK TELAH BERKURANG KEPADA 83.0% PADA TAHUN 2018 DARIPADA 83.8% PADA TAHUN 2017, MANAKALA JUALAN RUNCIT MENINGKAT SEBANYAK 6.3% PADA APRIL 2019 PADA KETIKA KEYAKINAN PENGGUNA LEBIH TINGGI DALAM SUKU PERTAMA 2019



Bank seharusnya memberikan akses kepada pembiayaan secara lebih meluas memandangkan kadar keberhutangan isi rumah berbanding kdnk telah berkurang kepada 83.0% pada tahun 2018 daripada 83.8% pada tahun 2017, manakala jualan runcit meningkat sebanyak 6.3% pada April 2019 pada ketika keyakinan pengguna lebih tinggi dalam suku pertama 2019

Tahap kesihatan kewangan isi rumah sedang beransur pulih, di mana kadar keberhutangan isi rumah berbanding keluaran dalam negeri kasar (KDNK) jatuh kepada 83.0% pada tahun 2018 daripada 83.8% pada 2017. Hasil perkembangan ini, pengguna kini mempunyai ruang yang lebih besar untuk meminjam bagi tujuan mengumpul kekayaan, sama ada untuk skim simpanan, atau untuk pelaburan bukan bertujuan spekulasi, termasuk pemilikan aset jangka masa panjang.

Berikutan perkembangan positif ini, bank seharusnya memberikan akses kepada pembiayaan secara lebih meluas kepada pembeli rumah pertama, dan juga kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), untuk memacu perkembangan ekonomi. Secara purata, hutang isi rumah bersandarkan jumlah aset yang bersesuaian. Menurut statistik daripada Bank Negara Malaysia (BNM), kadar aset kewangan isi rumah ialah 2.1 kali hutang isi rumah. Ini menunjukkan bahawa isi rumah secara purata memiliki lebih banyak aset daripada hutang, yang memberikan mereka penampakan yang diperlukan untuk menghadapi sebarang kemungkinan pembiayaan.

Namun begitu, Kerajaan menyedari bahawa isi rumah berpendapatan rendah mudah terjejas apabila mengalami kejutan dan benar-benar memerlukan bantuan untuk meningkat kekuatan kewangan mereka. Kerajaan telah berjaya melakukan perkara ini dengan menambah baik program pemindahan wang Bantuan Sara Hidup (BSH), memperkenalkan skim insurans kesihatan awam percuma mySalam, dan menstabilkan harga runcit petrol RON95 dan diesel.

KENAIKAN MENGEJUT HARGA SIMEN SEDANG DISIASAT

Penstabilan harga minyak khususnya telah mengurangkan peningkatan kos sara hidup, terutamanya untuk golongan berpendapatan rendah, B40. Inflasi pada April 2019 adalah stabil dan rendah pada 0.2% hasil penstabilan harga runcit petrol RON95 dan diesel.

Kerajaan tekad memastikan harga barangan asas terkawal dan memandang berat peningkatan harga simen seperti yang dilaporkan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bawah pimpinan Datuk Seri Saifuddin Nasution telah mengeluarkan notis bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan kepada 19 pengeluar simen di seluruh negara untuk mendapatkan penjelasan sebab-sebab kenaikan tersebut. Lebih-lebih lagi, Kerajaan akan terus melaksanakan peranan sebagai pengawal selia yang berkesan untuk memastikan harga simen kekal berdaya saing dan tidak dinaikkan berdasarkan faktor-faktor monopoli.

KOS PEMBIAYAAN LEBIH MURAH

Tambahan lagi, keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) BNM pada 7 Mei 2019 untuk memotong Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00% daripada 3.25% telah mengurangkan kos pinjaman. Pengurangan ini telah disalurkan sepenuhnya oleh bank-bank kepada para peminjam.

Kerajaan juga telah meminta BNM untuk mengingatkan semua bank agar tidak mengklasifikasikan pinjaman oleh perusahaan yang tidak menghadapi masalah membayar balik pinjaman, tetapi mahu menstruktur dan menjadualkan (R&R) semula pinjaman kepada tempoh yang panjang untuk menambah baik aliran tunai mereka, sebagai pinjaman tidak berbayar (NPL).

EKONOMI TERUS BERKEMBANG

Pada masa yang sama, perbelanjaan isi rumah Malaysia terus meningkat. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, jualan runcit meningkat 6.3% kepada RM41.6 bilion pada April 2019, daripada RM39.1 bilion setahun lalu. Secara keseluruhan, jualan borong dan runcit pada April 2019 meningkat sebanyak 5.3% kepada RM105.1 bilion daripada RM99.8 bilion pada tahun lalu, dan memberikan petunjuk bahawa keyakinan pengguna pada tahap tinggi.

Ini bersama dengan perkembangan pengeluaran industri yang kukuh dan kadar pengangguran yang rendah, menggambarkan ekonomi yang terus berkembang. Pengeluaran industri untuk April 2019 telah berkembang sebanyak 4.0% tahun ke tahun (y-o-y), melebihi konsensus pasaran yang menjangkakan kadar 2.5% seperti dilaporkan oleh Bloomberg. Kadar pengangguran pada bulan April ialah 3.4% dan tidak berubah dari bulan sebelumnya. Data pengeluaran industri yang positif ini diutuhkan lagi oleh purata Indeks Pengurus Pembelian Nikkei (PMI) Malaysia untuk suku kedua 2019 yang lebih tinggi dari 3 suku terdahulu.

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
19 Jun 2019

Like Be the first of your friends to like this.